

**NO. SOALAN : 449**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR  
DEVARAJ [SUNGAI SIPUT ]**

**SOALAN :**

**YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT) minta  
PERDANA MENTERI menyatakan pemilikan saham di Bursa Malaysia  
mengikut kumpulan etnik. Adakah saham yang dimiliki oleh PNB dan  
ASB diambil kira dalam perhitungan statistik pemilikan Bumiputera**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bursa Malaysia tidak memantau pegangan saham di dalam syarikat tersenarai di Bursa Malaysia mengikut kumpulan etnik. Walaubagaimanapun, pemilikan ekuiti dalam sektor korporat setakat 2011 berdasarkan nilai par adalah seperti berikut:

Kumpulan Etnik	2011	
	RM Juta	%
<b>Bumiputera</b>	<b>211,529</b>	<b>23.5</b>
<b>Bukan Bumiputera</b>	<b>314,459</b>	<b>34.9</b>
<i>Cina</i>	<i>290,348</i>	<i>32.2</i>
<i>India</i>	<i>21,270</i>	<i>2.4</i>
<i>Lain-lain</i>	<i>2,840</i>	<i>0.3</i>
<b>Nomini</b>	<b>40,957</b>	<b>4.5</b>
<b>Asing</b>	<b>335,178</b>	<b>37.2</b>
<b>Jumlah</b>	<b>902,124</b>	<b>100.0</b>

Manakala, pengiraan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat telah mengambil kira pemilikan saham oleh PNB di bawah sub-kategori Institusi dan ASB di bawah kategori Individu.

Sekian. Terima kasih.